

2,000 GLC diaudit guna e - Self Audit tahun ini

Sistem berasaskan AI dibangunkan Jabatan Audit Negara mampu tangani isu tatakelola

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Hampir 2,000 syarikat berkait kerajaan akan diaudit dengan lebih cekap dan sistematik menerusi sistem e-SelfAudit yang dibangunkan Jabatan Audit Negara (JAN) mulai tahun ini, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, pengauditan menggunakan sistem berasaskan kecerdasan buatan (AI) merangkumi syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat berhad menurut jaminan (CLBG).

"Kaedah pengauditan rintis terhadap syarikat kerajaan dengan menggunakan sistem e-SelfAudit yang mengguna pakai AI sudah dimulakan lebih awal iaitu pada November 2024.

"Lebih penting sistem ini dibangunkan secara dalaman melalui Projek Pendigitalan JAN tanpa membabitkan implikasi kos tambahan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Peluncuran Pelaksanaan Pengauditan Syarikat Kerajaan di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said dan Ketua Audit Negara, Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi.

Anwar berkata, kaedah pengauditan berkenaan penting bagi menangani isu tatakelola yang dikenal pasti dalam syarikat kerajaan antaranya kelemahan pemantauan terhadap pembentangan dan laporan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) serta Pelan Strategik syarikat.

Katanya, isu tatakelola yang dikesan juga membabitkan kegagalan Ketua Pegawai Eksekutif memainkan peranan dalam mengurus, menyelia dan mengawasi operasi perniagaan bagi mencapai matlamat atau objektif penubuhan syarikat induk termasuk anak syarikat terbabit.

"Isu lain ialah kerugian yang berpanjangan dan berturut-turut sama ada di peringkat syarikat induk atau anak syarikat dan keuntungan syarikat tidak diagihkan kepada sebagai pulangan kepada kerajaan.

"Selain itu, Ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Ahli Jawatankuasa Audit yang dilantik tidak dapat memberikan pandangan dan nasihat kepada Ahli Lembaga Pengarah atau Pengurusan Tertinggi syarikat.

"Manakala keputusan syarikat yang signifikan sebagai contoh pembayaran gaji dan perkhidmatan, tidak dibawa untuk kelulusan dan makluman Ahli Lembaga Pengarah," katanya.



Anwar bersama Azalina dan Wan Suraya (kanan) menunjukkan risalah Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan pada Majlis Peluncuran Pelaksanaan Pengauditan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), semalam. (Foto BERNAMA)

Beliau berkata, sebab itu kerajaan pada 20 Mei tahun lalu mengeluarkan arahan berkaitan Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional: Tatakelola Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) dan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG).

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, arahan itu memberi panduan kepada kementerian pengawal dalam pelaksanaan peraturan dan prosedur berkaitan dengan pengurusan dan tatakelola dalam SBK serta CLBG yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Justeru, beliau berharap semua pihak akan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada JAN khususnya Ketua Audit Negara dalam melaksanakan tugas pengauditan.

"Apabila kita menyebut soal reform institusi, ikhtiar ini amat relevan, penting dan kita menjurus kepada syarikat, agensi supaya ada nilai kebertanggungjawaban dan ketelusan.

"Jadi saya harap semua pihak boleh terima seperti mana kita umumkan sebelum ini dan dengan ikhtiar ini, tidak ada yang terkecuali," katanya.